

Tanda awal banjir di Melaka, Johor

SHAH ALAM 21 Nov. - Jabatan Bomba dan Penyelamat mengenal pasti tanda-tanda awal akan berlakunya banjir di Melaka serta Johor dan telah bersiap sedia untuk menghadapi segala kemungkinan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim berkata, ini termasuk kemungkinan mengerahkan anggotanya di lain-lain negeri ke negeri tersebut.

Kata beliau, pihaknya juga telah memastikan semua peralatan menyelamat, kenderaan pacuan empat roda dan bot berada dalam keadaan baik.

“Kita telah mengenal pasti tanda-tanda awal banjir akan berlaku di Melaka dan Johor. Jika di Selangor tidak berlaku banjir, kita akan hantar anggota kita itu ke negeri-negeri lain untuk membantu,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan, Penyampaian Sijil 30 tahun Perkhidmatan dan Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor 2011 di sini, hari ini.